

PERCUMA

Wadah MAIPK



مجلس أكاام إسلام
دان عادات ملايو فراق

Wadah
MAIPK

Edisi Kedua 2019

Bil Ke-32



32,910 ASNAF

TERIMA BANTUAN AIDILFITRI BERJUMLAH

RM7.9 JUTA

PROGRAM PEMERKASAAN ASNAF
MAIPK BANTU ASNAF JANA PENDAPATAN



PELAJAR SKIM BIASISWA BAITULMAL
MAIPK MEMPEROLEH KEPUTUSAN CEMERLANG
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)



Penyerahan Zakat Perniagaan Kepada **DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN**

Penyerahan Zakat Perniagaan
Berjumlah **RM11,366,360.30**
Pada **9 Mei 2019**

AGENSI	JUMLAH (RM)
Lembaga Air Perak (LAP)	RM6,036,000.00
Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS)	RM2,283,064.90
FELCRA Berhad Wilayah Perak	RM1,447,169.61
Lumut Maritime Terminal Sdn. Bhd.	RM581,584.57
Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (SADC)	RM537,736.12
KPJ Healthcare Berhad	RM329,000.00
Koperasi Peserta-Peserta Rancangan FELCRA Seberang Perak Berhad	RM151,805.10



Penyerahan Zakat Perniagaan Berjumlah **RM3,004,059.24** Pada **11 Mei 2019**

AGENSI	JUMLAH (RM)
Bank Rakyat	RM959,979.00
Maybank Islamic Berhad	RM660,398.49
Etiqa Family Takaful Berhad	RM350,000.00
Bank Islam Malaysia Berhad	RM338,281.75
RHB Islamic Bank Berhad	RM250,000.00
Etiqa General Takaful Berhad	RM224,400.00
AIIMAN Asset Management Sdn. Bhd.	RM121,000.00
Affin Islamic Bank Bhd	RM100,000.00



Penyerahan Zakat Perniagaan Berjumlah **RM5,775,375.75** Pada **18 Mei 2019**

AGENSI	JUMLAH (RM)
PLUS Malaysia Berhad	RM4,062,400.00
Pertubuhan Peladang Negeri Perak	RM457,388.15
Perbadanan Menteri Besar Perak Dan Anak-Anak Syarikat	RM330,000.00
Perak Integrated Network Services Sdn. Bhd. (PINS)	RM330,000.00
Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (ANGKASA)	RM202,512.44
Universiti Sultan Azlan Shah (USAS)	RM182,026.60
Koperasi Guru Melayu Perak Berhad (KAGUM)	RM106,035.13
Pertubuhan Peladang Kawasan Seberang Perak	RM105,013.43



Penyerahan Zakat Perniagaan Berjumlah **RM6,895,113.54** Pada **25 Mei 2019**

AGENSI	JUMLAH (RM)
Lembaga Tabung Haji	RM5,785,570.19
Idaman Pharma Manufacturing Sdn. Bhd .	RM350,000.00
Ladang Moccis Sdn. Bhd.	RM269,000.00
Bank Muamalat Malaysia Berhad	RM247,806.35
Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad	RM125,000.00
Celcom AXIATA Berhad	RM117,737.00



PENGAGIHAN BANTUAN HARI RAYA AIDILFITRI 1440H OLEH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN



Sumbangan kepada empat mukim iaitu Mukim Bidor, Mukim Batang Padang, Mukim Chenderiang dan Mukim Sungkai berjumlah RM140,500.00 di Masjid Daerah Tapah pada 13 Mei 2019.



Sumbangan kepada tujuh mukim iaitu Lenggong, Temelong, Durian Pipit, Gerik, Kerunai, Kenering dan Pengkalan Hulu berjumlah RM422,500.00 di Masjid Ubudiah, Kampung Sumpitan, Lenggong pada 16 Mei 2019.



Sumbangan kepada lapan mukim daerah Kinta iaitu Hulu Kinta Ipoh, Hulu Kinta Chemor, Hulu Kinta Tanjung Rambutan, Lahat, Sungai Raia, Sungai Terap, Tanjung Tualang dan Belanja Tronoh berjumlah RM1,902,500.00 di Masjid Toh Puan Besar Hatijah, Kampung Serani, Batu Gajah pada 21 Mei 2019.

AGIHAN BANTUAN HARI RAYA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK 2019

BIL.	DAERAH	KEWANGAN BULANAN		MASJID		KESELURUHAN	
		PERBELANJAAN (RM)	BIL. PENERIMA (ORG)	PERBELANJAAN (RM)	BIL. PENERIMA (ORG)	PERBELANJAAN (RM)	BIL. PENERIMA (ORG)
1.	IPOH	656,250.00	2,625	996,500.00	3,986	1,652,750.00	6,611
2.	BATU GAJAH	120,250.00	481	129,750.00	519	250,000.00	1,000
3.	SERI ISKANDAR	95,750.00	383	191,000.00	764	286,750.00	1,147
4.	KG GAJAH	61,000.00	244	145,500.00	582	206,500.00	826
5.	MANJUNG	154,750.00	619	450,000.00	1,800	604,750.00	2,419
6.	TELUK INTAN	141,750.00	567	137,750.00	551	279,500.00	1,118
7.	BAGAN DATUK	89,250.00	357	157,500.00	630	246,750.00	987
8.	KAMPAR	95,750.00	383	153,750.00	615	249,500.00	998
9.	TAPAH	95,250.00	381	140,500.00	562	235,750.00	943
10.	MUALLIM	117,500.00	470	103,750.00	415	221,250.00	885
11.	KUALA KANGSAR	191,250.00	765	331,750.00	1,327	523,000.00	2,092
12.	BAGAN SERAI	165,500.00	662	222,500.00	890	388,000.00	1,552
13.	PARIT BUNTAR	88,250.00	353	177,500.00	710	265,750.00	1,063
14.	SELAMA	107,000.00	428	280,500.00	1,122	387,500.00	1,550
15.	TAIPING	243,750.00	975	290,250.00	1,161	534,000.00	2,136
16.	LENGKONG	55,750.00	223	82,000.00	328	137,750.00	551
17.	GERIK	79,000.00	316	126,250.00	505	205,250.00	821
18.	PENKALAN HULU	50,250.00	201	29,250.00	117	79,500.00	318
JUMLAH		2,608,250.00	10,433	4,146,000.00	16,584	6,754,250.00	27,017

Bantuan Kepada Muallaf (JAIPK)	1,178,600.00	5,893
JUMLAH KESELURUHAN	7,932,850.00	32,910

DYMM PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH

Berkenan Merasmikan Program Tadabbur Al-Quran

BATU GAJAH, 21 Mei 2019 - Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan merasmikan Program Tadabbur Al-Quran di Masjid Toh Puan Besar Hatijah, Kampung Serani, bersempena dengan Sambutan Nuzul Quran Peringkat Negeri Perak. Program Tadabbur Al-Quran merupakan program di bawah Wakaf Pembangunan dan Perkembangan Ilmu Al-Quran, Waqaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR).

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak semasa menyampaikan titah di dalam perasmian sebuah Maahad Tahfiz di Hulu Perak pada 11 Julai 2015, menggesa agar al-Quran tidak hanya dibaca bahkan difahami dan dihafal. Tuanku bertitah:

"Insan yang memahami kandungan al-Quran akan dapat menghayati kehebatan Islam sebagai agama yang syumul, agama yang menyeluruh lagi sempurna, agama yang menganjurkan keadilan, kesaksamaan, perdamaian dan kesederhanaan"

Sejajar dengan Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan tersebut, Waqaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR) melalui Program Pembangunan dan Perkembangan Ilmu Al-Quran, berhasrat untuk menyebarkan ilmu al-Quran dalam kehidupan ummah melalui pembelajaran, pengajian, pemahaman, penghayatan dan pengaplikasian ilmu al-Quran tanpa mengira sempadan usia. Dana projek ini akan membiayai program-program yang dirancang bagi mencapai hasrat berkenaan.

Tadabbur Al-Quran adalah perintah daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala menerusi firman-Nya yang bermaksud: 'Maka apakah mereka tidak mentadabbur Al-Quran? Atau hati mereka terkunci.'" (Surah Muhammad, Ayat 24). Dengan cara bertadabbur, umat Islam dapat mengkiaskan pengajaran daripada Al-Quran kepada kehidupan manusia secara peribadi atau masyarakat.

Antara objektif Program adalah -

- i. Membolehkan masyarakat mempelajari ilmu Al-Quran dan pemahaman tafsirnya secara meluas dengan pelaksanaan program di semua Jabatan/organisasi/institusi di seluruh Negeri Perak;
- ii. Menjadi medium untuk program/kaedah pengajaran



yang membolehkan setiap ummah memahami dan menghayati peringatan, pelajaran dan kebenaran yang terkandung di dalam Al-Quran untuk diaplikasikan dalam kehidupan bagi bekalan akhirat; dan

- iii. Mencetus rasa 'izzah terhadap Al-Quran melalui disiplin ilmu kemukjizatan Al-Quran.

Konsep Program:

- i. Pelaksanaan program ini dibuat melalui kelas pengajian secara berjadual di setiap agensi / organisasi. Pemilihan masa dan hari adalah mengikut kesesuaian dan ditentukan oleh Ketua Jabatan/Organisasi. Setiap kelas mengambil masa 30 minit.
- ii. Program ini akan melibatkan semua institusi masjid dan surau serta semua agensi kerajaan termasuk sekolah dan agensi swasta yang berminat, di samping kerjasama dengan organisasi kebajikan dan Pusat Komuniti yang mempunyai pelanggan dari kalangan masyarakat setempat seperti Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta pusat komuniti yang lain.
- iii. Modul program ini adalah berdasarkan kepada Ayat-Ayat Kauniah (Kemukjizatan Al-Quran) yang diperakukan oleh Jabatan Mufti Negeri Perak.

Semoga aspek kemukjizatan yang terzahir daripada ayat-ayat kauniah dalam Al-Quran akan menjadi satu method dakwah yang efisien dalam zaman sains dan teknologi pada hari ini. Diharap program "Tadabbur" ini akan menjadi asbab bumi Perak yang disayangi akan dilimpahi rahmat dan keberkatan daripada yang maha Esa lantaran bacaan Al-Quran dan penghayatannya terus disemarakkan.

RM1.6 Juta

Bagi Asnaf Ikuti Program Latihan Baitulmal MAIPK

IPOH, 2 April 2019 - Majlis Menandatangani Akujanji Program Latihan Kemahiran Baitulmal MAIPK bagi tahun 2019 telah berjaya diadakan dengan jayanya. Pada tahun 2019 pihak MAIPK mensasarkan seramai 300 orang peserta dari kalangan anak-anak asnaf Fakir dan Miskin daripada seluruh negeri Perak untuk menyertai program yang menerapkan kursus latihan kemahiran dalam bidang-bidang terpilih.

Untuk fasa pertama, pihak MAIPK menghantar hampir 106 orang pelatih yang bakal menjalani latihan kemahiran bagi Kursus Kimpalan, Kursus Penyaman Udara, Kursus Penyediaan & Pembuatan Makanan,

Kursus Pembuatan Pastrri, Kursus Juruteknik Pengendalian Darat Pesawat dan Kursus Kimpalan Dalam Air. Keenam-enam kursus ini melibatkan kos sebanyak RM1,624,600.00.

Pada tahun ini juga pihak MAIPK akan menganjurkan lebih banyak program seumpama ini bagi memberi peluang kepada belia-belia asnaf yang berpotensi untuk memajukan diri seterusnya membantu keluarga setelah tamat latihan kelak. Selamat maju jaya diucapkan kepada semua pelatih Program Latihan Kemahiran Baitulmal MAIPK.



Majlis Penyampaian Biasiswa Pelajaran Baitulmal MAIPK Bagi Tahun 2019

IPOH, 22 April 2019 – Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) telah mengadakan satu Majlis Penyampaian Biasiswa Pelajaran Baitulmal bagi tahun 2019 bertempat di Dewan Saidina Abu Bakar, INTIM. Pada tahun ini MAIPK telah menawarkan Skim Biasiswa Pelajaran Baitulmal kepada anak-anak asnaf yang layak. Keseluruhan penerima bagi tahun ini adalah seramai 683 orang terdiri daripada pelajar tingkatan 1 hingga tingkatan 5 dengan jumlah peruntukkan sebanyak RM683,000.00. Pada majlis ini turut diadakan penyampaian sijil Anugerah Yang Dipertua kepada dua penerima skim Biasiswa Pelajaran Baitulmal MAIPK yang berjaya memperoleh keputusan cemerlang TIA dalam keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun lalu. Majlis ini telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) MAIPK, Puan Hajah Wan Maizura binti Haji Wan Zahari dan dihadiri Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat MAIPK, AF. Ustaz Bakri bin Lee. Semoga dengan bantuan

ini mampu membantu para asnaf meningkatkan prestasi pelajaran mereka dan berjaya memperoleh kecemerlangan dalam pendidikan.



RM1.13 Juta

Dana Zakat Bantu Jana Pendapatan 180 Asnaf

IPOH, 4 April 2019 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan Majlis Menandatangani Akujanji Peserta Usahawan dan Syarikat Penyedia Khidmat Latihan Program Pemeraksanaan Asnaf di Tingkat 2, Dewan Al-Ghazali. Seramai 180 orang peserta telah dipilih dan akan mengikuti kursus dan pemantauan selama 8 bulan. Para peserta ini akan mengikuti 9 jenis program dan 3 daripadanya adalah kursus baharu yang ditawarkan pada tahun ini iaitu pembuatan sate dan char kuey teow serta tanaman cili fertigasi. Semoga kesemua peserta yang dipilih ini terus berusaha menjana pendapatan seterusnya mampu bergelar usahawan muslim yang berjaya.



PENYAMPAIAN SUMBANGAN KEPADA RUMAH ASHRAFUL ROHANIAH TELUK INTAN

TELUK INTAN, 2 Mei 2019 – Kakitangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) daerah Teluk Intan dan Ibu Pejabat yang diketuai oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Haidi bin Sulaiman selaku Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk (Pengurusan) telah memberikan sumbangan dana zakat sebanyak RM100,000.00 beserta perbelanjaan bulanan sebanyak RM5,000.00 sebulan bagi membantu membaik pulih bangunan dan menampung perbelanjaan penghuni Rumah Titian Ashraful Rohaniah yang mana merupakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menjaga dan membela nasib warga emas, anak yatim serta orang yang kelainan upaya (OKU).

Disamping itu, MAIPk juga turut menyampaikan bantuan bina dan baikpulih rumah kepada asnaf

fakir miskin di daerah Teluk Intan dengan jumlah peruntukkan sebanyak RM1,098,000.00. Semoga dengan sumbangan yang diberikan, diharap ianya dapat membantu meringankan bebanan mereka dan memberi sinar baru kepada penerima baik kepada Rumah Titian Ashraful Rohaniah juga kepada asnaf-asnaf lain di sekitar daerah Teluk Intan.



MAIPK dan JPN Terus Bekerjasama Bantu Banteras Gejala Dadah di Kalangan Pelajar

IPOH, 16 Jun 2019 - Majlis Perasmian Sahsiah Unggul Insan Terbilang (SUIT) Junior Tahun 2019 telah diadakan di SK Jati, Ipoh yang disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK), Puan Hajah Wan Maizura binti Haji Wan Zahari. SUIT adalah program kerjasama diantara Jabatan Pendidikan Negeri Perak (JPN) dan MAIPK yang telah memasuki tahun kedua pelaksanaannya.

Objektif program ini secara umumnya adalah untuk mengenalpasti pelajar yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan terlarang seperti dadah. Pelaksanaan program adalah meliputi program

Pencegahan & Intervensi kepada pelajar di sekolah rendah dan menengah di seluruh Negeri Perak. Antara program pencegahan yang dilaksanakan termasuklah mengenalpasti pelajar yang positif ujian air kencing dan pemantauan secara berkala dijalankan kepada mereka. Mengikut laporan daripada pihak JPN Perak, statistik menunjukkan kadar pelajar yang positif dengan dadah adalah menurun bagi tahun 2018 lalu selepas pelaksanaan program-program pencegahan tersebut. MAIPK dengan berbesar hati sudi bekerjasama bagi pelaksanaan program murni ini dengan tajaan berjumlah RM70,000.00 pada tahun 2018 dan berjumlah RM60,000.00 pada tahun 2019.



RANCANGAN HIWAR ISLAM DI RADIO PERAK FM MENGENAI PROGRAM WAQAF PERAK AR-RIDZUAN



IPOH, 23 Mei 2019 – Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) telah dijemput untuk mengisi slot Rancangan Hiwar Islam di siaran radio Perak FM. Slot yang berlangsung selama 60 minit tersebut adalah untuk berbicara mengenai wakaf terutamanya projek-projek yang telah dijalankan di bawah Dana Waqaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR). Program tersebut telah dihadiri oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) MAIPK, Puan Hajah Wan Maizura binti Haji Wan Zahari, Pengurus Besar Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mal dan Wakaf, Encik Suhaimi Bin Yusoff dan Pengurus Unit Pengurusan Wakaf, Encik Munawir Bin Mohamed Noh. Pelbagai ilmu dan idea telah dapat dikongsi dan didedahkan kepada pendengar radio Perak FM.

PROGRAM KEMBARA DAKWAH DAN ASNAF BERSAMA OBJ DAERAH BAGAN DATUK

HUTAN MELINTANG, 26 April 2019 - Telah berlangsungnya Program Kembara Dakwah dan Asnaf Bersama Orang Besar Jajahan (OBJ) Daerah Bagan Datuk, YDH Toh Seri Lela Paduka, Prof. Dr. Khalid bin Ismail. Antara agensi yang terlibat adalah MAIPk Bagan Datuk, JAIPk, Pejabat Daerah dan Tanah, JKR, PDRM, APM, Sekolah Menengah Sains Bagan Datuk, dan Penghulu Mukim. Turut sama hadir Orang Besar 32 Daerah Bagan Datuk, YDH Toh Mangku Diraja, Tuan Hj. Ahmad Zawawi. Program ini bertujuan bagi memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai peranan dan tanggungjawab setiap agensi dan jabatan di daerah Bagan Datuk selain daripada membina ukhuwah dan merapatkan kerjasama diantara agensi.

Selain daripada taklimat daripada Ketua Penolong Pegawai Daerah Bagan Datuk, Tuan Amin bin Safie, Persatuan Pengakap daripada SMK Sains Bagan Datuk serta APM Bagan Datuk telah bergotong royong mengecat dan membersihkan Maahad Tahfiz Sungai Manila. Antara lokasi yang terlibat adalah Masjid Sungai Manila, Surau Diri Jumaat Erong,



Masjid Ulu Basir dan Masjid Ulu Bernam. Kesemua lokasi ini dipilih kerana kedudukannya yang jauh dan perjalanan yang ditempuhi agak mencabar apabila jentera kenderaan terpaksa menempuhi perjalanan "off road" sejauh 20km. Seramai 23 orang asnaf telah disantuni sepanjang program ini serta majlis penyampaian bantuan telah disampaikan oleh YDH OBJ Daerah Bagan Datuk.

PROGRAM FASIL PERSEMPADANAN KARIAH MASJID DAN SIASATAN TANAH WAKAF

KERIAN - Unit Pembangunan Hartanah MAIPk telah menganjurkan satu program iaitu Program Fasil Persempadanan Kariah Masjid dan Siasatan Tanah Wakaf Daerah Kerian pada 10-12 April 2019 (MAIPk Bagan Serai) dan 24-26 April 2019 (MAIPk Parit Buntar). Jumlah kariah masjid yang terlibat di daerah Bagan Serai adalah sebanyak 40 kariah dan

daerah Parit Buntar pula sebanyak 32 kariah masjid. Tujuan program ini diadakan adalah untuk proses pengumpulan data seperti koordinat dan gambar keadaan semasa tapak masjid, surau, sekolah agama rakyat dan tanah perkuburan Islam serta maklumat lot tanah bagi setiap tapak.



PEMBERIAN SUMBANGAN AIDILFITRI KEPADA PESAKIT DIALISIS DAN PELANGGAN DI PUSAT PERUBATAN AR-RIDZUAN OLEH PKEINPK SDN BHD

IPOH, 27 Mei 2019 - Pusat Perubatan Ar-Ridzuan telah mengadakan Majlis Sumbangan Aidilfitri bersempena dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba. Seramai 59 orang pesakit telah menerima sumbangan tersebut yang majoritinya terdiri daripada golongan Asnaf tajaan Baitulmal, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK). Sumbangan tersebut disampaikan oleh YBhg. Dato' Dr. Mohammad Hashim bin Ahmad Tajudin selaku Pengerusi PKEINPK Sdn. Bhd.

Pusat Perubatan Ar-Ridzuan ialah sebuah hospital pakar swasta yang dimiliki sepenuhnya oleh PKEINPK Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat MAIPK. Unit Hemodialisis di Pusat Perubatan Ar-Ridzuan telah berjaya melaksanakan 7,600 rawatan dengan kos berjumlah RM1.6 juta pada tahun 2018.

Pesakit dialisis yang dirawat adalah terdiri daripada pesakit yang ditaja rawatannya oleh pihak MAIPK, JPA, PERKESO, pelbagai agensi Kerajaan; dan persendirian.

Pada tahun 2019 ini, kapasiti kemudahan rawatan hemodialisis akan ditingkatkan sebanyak lebih kurang +60% kepada 12,300 rawatan setahun dengan jumlah peruntukan rawatan adalah sebanyak RM2.6 juta.

Selain perkhidmatan Hemodialisis, Pusat Perubatan Ar-Ridzuan turut menyediakan perkhidmatan klinikal dan doktor pakar seperti berikut :

- i) Klinik, Rawatan dan Pembedahan Perbidanan & Sakit Puan
- ii) Klinik dan Rawatan Kanak-kanak (Pediatrik)
- iii) Klinik dan Pembedahan Ortopedik (Tulang)
- iv) Klinik dan Rawatan Dermatologi (Kulit)
- v) Klinik dan Rawatan Nefrologi (Renal/Buah Pinggang)
- vi) Klinik Perubatan Am
- vii) Pembedahan Am
- viii) Rawatan Kecemasan dan Kemalangan (A&E)
- ix) Farmasi
- x) Radiografi (X-ray)



Majlis Penyerahan Sumbangan Dana Zakat Kepada Unit Kerja Sosial Perubatan Hospital Negeri Perak

IPOH, 3 Mei 2019 – Bertempat di Hotel Kinta Riverfront Ipoh, telah diadakan Majlis Penyerahan Dana Zakat yang berjumlah RM250,000.00 kepada Unit Kerja Sosial Perubatan (UKSP) Hospital Negeri Perak bagi kegunaan pesakit-pesakit yang kurang berkemampuan. Setiap hospital akan diagihkan dana zakat mengikut keutamaan kawasan masing-masing. Melalui kerjasama yang dijalinan ini, mudah-mudahan ia dapat membantu meningkatkan kualiti kehidupan serta kelangsungan hidup pesakit-pesakit yang kurang bernasib baik untuk menjaga kesihatan mereka. Penyerahan replika cek telah disampaikan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Haidi bin Sulaiman, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) MAIPK. Sesudah selesai penyerahan dana zakat tersebut, sedikit taklimat telah diberikan oleh AF Ustaz Bakri bin Lee, Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat kepada kakitangan-kakitangan yang terlibat dalam usaha

untuk memberi penjelasan objektif bagi penyerahan dana zakat tersebut.



PROGRAM JEJAK ASNAF

JEJAK ASNAF DAERAH TELUK INTAN

TELUK INTAN, 3 April 2019 – Pihak MAIPk sekali lagi telah mengadakan program Jejak Asnaf di daerah Teluk Intan yang telah diketuai oleh Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat MAIPk, AF. Ustaz Bakri Bin Lee, Pengurus Unit Pembangunan Asnaf Bahagian Agihan Zakat MAIPk, AF. Ustaz Ahmad Muzammil Bin Arbain, Pegawai Baitulmal Daerah MAIPk Teluk Intan, Encik Zul-Azri Bin Hosaini serta pegawai-pegawai MAIPk. Pihak MAIPk telah menziarahi dan menyantuni sebanyak 10 buah rumah yang dikenal pasti tergolong dalam golongan asnaf. Program menziarahi asnaf seperti ini dapat menyelami permasalahan hidup asnaf, di samping melihat keperluan lain yang layak disantuni oleh pihak MAIPk. Ziarah ini juga merupakan satu kesinambungan melalui Skuad Prihatin Asnaf MAIPk yang sentiasa melaksanakan kerja mencari dan mendekati golongan asnaf dalam membantu mereka ini yang amat memerlukan bantuan bagi menyara kehidupan mereka. Pihak MAIPk turut memberikan sumbangan meringankan beban asnaf dengan menyampaikan bantuan barang dapur dan wang belanja.



LAWATAN KERJA YB TUAN HAJI ASMUNI BIN AWI KE MAIPK

IPOH, 21 Mei 2019 – Satu lawatan kerja oleh Yang Berhormat Tuan Haji Asmuni Bin Awi, Pengerusi Jawatankuasa Agama dan Pendidikan Islam, Luar Bandar dan Pembangunan Usahawan Negeri Perak ke MAIPk telah diadakan di Tingkat 5, Kompleks Islam Darul Ridzuan. Beliau yang juga merupakan anggota MAIPk telah menerima taklimat yang disampaikan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Haidi Bin Sulaiman, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) MAIPk. Tujuan lawatan kerja ini adalah bagi mendapat taklimat penuh mengenai pengurusan di MAIPk secara keseluruhannya dalam bidang zakat, baitulmal serta wakaf yang telah dilaksanakan oleh pihak MAIPk.

Semasa lawatan kerja ini YB Tuan Haji Asmuni Bin Awi telah memberi input dan cadangan penambahbaikan kepada pihak MAIPk dan beliau turut mengucapkan tahniah kepada pihak pengurusan MAIPk yang telah berusaha menjadi yang terbaik dalam membantu umat Islam di negeri Perak. Diharapkan daripada sesi lawatan kerja ini akan dimanfaatkan bagi membantu dalam menambahbaik pengurusan MAIPk dari semasa ke semasa.



SEBAHAGIAN AKTIVITI SKUAD PRIHATIN ASNAF MAIPK



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN DI KG. TERSUSUN KLEDANG UTAMA, SG. SIPUT PADA 4 APRIL 2019



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA MASHITAH BINTI ABDUL LATIF YANG MENGHADAPI BARAH PAYUDARA TAHAP 4 DI KG. PONDOK KUAH LUAR, PENKALAN HULU PADA 24 APRIL 2019



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA PUAN FATIMAH KARIM YANG SEDANG MENGHADAPI PENYAKIT MISTERI (BAHAGIAN PINGGANG KE KAKI MENJADI BENGKAK) DI KG. CIK ZAINAL TAMBAHAN 1 PADA 11 APRIL 2019



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA MANGSA KEBAKARAN DI KG. AIR PAPAN, TANJUNG TUALANG BATU GAJAH PADA 13 MEI 2019



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA EN. AMINUDDIN MOHD JUSOH DI KAMPUNG PENKALAN IKAN KUAH, LENGGONG PADA 11 APRIL 2019



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA ENCIK YANG ROZAINI HILANG PUNCA PENDAPATAN AKIBAT STROK DI MENGLEMBU PADA 17 MEI 2019



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN DI KG. CHEH KATI PADA 15 APRIL 2019

SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN SEGERA BENCANA DI KG. BEKOR, KATI PADA 15 APRIL 2019



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA MANGSA KEBAKARAN RUMAH DI KAMPUNG SUNGAI TAPAH, MANJOI PADA 21 MEI 2019



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA MANGSA-MANGSA RIBUT DI KAWASAN LENGGONG PADA 20 APRIL 2019



SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA PUAN LATIFAH SHAHID DI HUTAN MELINTANG PADA 21 MEI 2019

SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA PUAN AZITA SHAARI DI DAERAH SERI ISKANDAR PADA 31 MEI 2019

SKIM LATIHAN KEMAHIRAN ASNAF MAIPk BANTU ANAK ASNAF



PESERTA KURSUS FERTIGASI MAIPk MENGIKUTI PROGRAM DI LAPANGAN PADA 13 APRIL 2019



SESI LAWATAN KERJA KE LOKASI PROGRAM PEMERKASAAN ASNAF DI NURALIS AGRO FARM, KAJANG PADA 18 APRIL 2019



PESERTA MENGIKUTI KURSUS AUTOMOTIF DI AKADEMI NAZA, GURUN KEDAH PADA 20 APRIL 2019



PESERTA KURSUS KIMPALAN DALAM AIR (UNDERWATER WELDING) DI WELDZONE TRAINING CENTRE, MANJUNG PADA 28 APRIL 2019. KURSUS INI MELIBATKAN KOS KESELURUHAN SEBANYAK RM252,000.00



PESERTA ADMAL AVIATION COLLAGE MENGIKUTI LAWATAN KE LAPANGAN TERBANG SEPANG PADA 24 APRIL 2019



SKIM LATIHAN KEMAHIRAN ASNAF TELAH MENDAPAT PERHATIAN YAYASAN UEM DENGAN MENAJA 23 PELAJAR MAIPk PERAK UNTUK MENGIKUTI KURSUS ASAS KIMPALAN ARKA 6G DENGAN JUMLAH PERUNTUKAN RM351,900.00 PADA 25 APRIL 2019



SERAMAI 40 ORANG PELAJAR PEMBUATAN MAKANAN, KULINARI DAN PASTRI YANG MENGIKUTI KURSUS LATIHAN DI HAAZA CENTRE OF EXCELLENCE CULINARY ACADEMY BERJAYA MENAMATKAN KURSUS MEREKA DAN MENGIKUTI MAJLIS GRADUASI DI DEWAN AL- GHAZALI, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN PADA 27 APRIL 2019



LAWATAN RASMI KE KOLEJ ILLIC, BERCHAM IPOH UNTUK KURSUS PENDAWAIAN DAN PENYELENGGARAAN ELEKTRIK PADA 8 MEI 2019

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG MAIPK TAHUN PENILAIAN 2018

IPOH, 27 Jun 2019 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) telah menganjurkan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun penilaian 2018 bertempat di Dewan Al-Ghazali, Tingkat 2 Kompleks Islam Darul Ridzuan (KIDR). Majlis APC ini diadakan untuk mengiktiraf dan menghargai perkhidmatan cemerlang yang diberikan oleh kakitangan MAIPK dalam melaksanakan tugas mereka dengan penuh tanggungjawab. Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku, bacaan doa dan seterusnya ucapan aluan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) MAIPK, YBr. Tuan Haji Mohd Haidi Bin Sulaiman. Kemudian majlis diteruskan dengan ucapan Yang Dipertua MAIPK, Tan Sri Dato' Seri Dr. Wan Mohd Zahid bin Mohd Noordin. Dalam majlis ini, seramai 24 orang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, 20 orang menerima Anugerah Perkhidmatan Terpuji. Tahniah diucapkan kepada semua penerima APC bagi tahun 2018. Semoga semua pekhidmat MAIPK terus memberikan perkhidmatan yang terbaik dan cemerlang.



Majlis Ceramah Nuzul Al-Quran dan Edaran Bubur Lambuk

IPOH, 24 Mei 2019 – Bertempat di Dewan Al-Ghazali, Tingkat 2 Kompleks Islam Darul Ridzuan (KIDR), satu Majlis Ceramah Nuzul Al-Quran dan Edaran Bubur Lambuk telah dianjurkan oleh Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK). Acara dimulai dengan Ceramah Nuzul Al-Quran yang telah disampaikan oleh Ustaz Hanafiah Abdul Malek yang bertajuk "Transformasi Diri via Ramadan & Al-Quran". Majlis ini turut disertai oleh kakitangan dari jabatan lain serta orang awam.

Edaran Bubur Lambuk pula bermula pada sebelah petang iaitu selepas Solat Jumaat. Aktiviti edaran yang diketuai oleh Pengurus Besar, Bahagian Khidmat Pengurusan MAIPK iaitu En. Rohizan bin Haji Omar, dilakukan sekitar perkarangan ruang legar Café Ar Raudhah dan Lobi Tingkat G, KIDR. Pihak MAIPK juga telah membuat edaran bubur lambuk di kawasan sekitar Ipoh. Program ini bertujuan mengeratkan semangat perpaduan antara pegawai-pegawai dan pekhidmat MAIPK dan menerapkan nilai-nilai murni dan secara tidak langsung dapat mengeratkan lagi silaturahim sesama masyarakat.



Tunaikan

ZAKAT ANDA KEPADA

Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk)

SALURAN BAYARAN KAUNTER ZAKAT

19 Kaunter Cawangan Seluruh Negeri Perak

AMIL FITRAH

AMIL HARTA

AMIL
PROFESIONAL

PERUNDING
ZAKAT

FIRMA AKAUN/
AUDIT BERTAULIAH

KAUNTER POS
MALAYSIA

KAEDAH PEMBAYARAN ONLINE



Billar Code : 9027
Ref-1 : Nama Pembayar
Ref-2 : Nombor Telefon

JomPAY (Bersama Biller Code)



FPX-Melalui Portal MAIPk
www.maiamp.gov.my



Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan,
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak

05-208 4000

korporat@maiamp.gov.my

maiamp.gov.my

[ZakatNegeriPerak](#)

7 Wasiat Raja-Raja Melayu

Wasiat Raja-Raja Melayu merujuk kepada 7 wasiat yang disampaikan semasa Raja-Raja Melayu menurun tandatangan persetujuan pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957 itu ialah:

- 1) Kami namakan dan kami panggil akan dia, bumi yang kamu pijak dan langit yang kamu junjung (PERSEKUTUAN TANAH MELAYU) sekarang dikenali dengan nama MALAYSIA.
- 2) Kami isytiharkan dan kami simpan untuk kamu dan kami benarkan kamu isytihar dan simpan untuk anak cucu kamu, selain gunung-ganang, tasik dan hutan simpan, TANAH SIMPANAN MELAYU sehingga nisbah 50 peratus, selebihnya kamu rebutlah bersama-sama kaum lain.
- 3) Bagi menjaga kamu dan bagi melindungi anak cucu kami serta harta hak milik kamu, kami tubuhkan REJIMEN ASKAR MELAYU selain membanteras kekacauan dalam negara dan ancaman dari luar negara.
- 4) Kami kekalkan dan kami jamin Kerajaan dan Kedaulatan RAJA-RAJA MELAYU memerintah negara ini.
- 5) Kami isytiharkan ISLAM adalah Agama Persekutuan.
- 6) Kami tetapkan bahasa kebangsaan ialah BAHASA MELAYU.
- 7) Kami amanahkan dan kami pertanggungjawabkan kepada Raja-Raja Melayu untuk melindungi KEDUDUKAN ISTIMEWA ORANG MELAYU dan KEPENTINGAN SAH KAUM-KAUM LAIN. (Kemudian ditambah kedudukan istimewa anak negeri Sabah dan Sarawak).